



فجابت مفتي نكري سابه  
PEJABAT MUFTI NEGERI SABAH

**KENYATAAN MUFTI KERAJAAN NEGERI SABAH  
PELANJUTAN PENANGGUHAN AKTIVITI DI MASJID DAN SURAU  
SEHINGGA 31 MAC 2020**

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Berdasarkan kepada situasi terkini wabak Covid-19 yang semakin kritikal dengan penambahan pesakit setiap hari di negeri ini dan selaras dengan pelaksanaan "Perintah Kawalan Pergerakan" yang bermula daripada 18 – 31 Mac 2020M sebagaimana yang telah dikuatkuasakan di seluruh Malaysia bagi membendung penularan wabak ini, maka saya bagi pihak Majlis Fatwa Negeri Sabah setelah mengambil kira asas-asas syarak dan maqasid syariah demi kemaslahatan dan kebaikan umat Islam bersetuju memutuskan bahawa:

1. Arahan penangguhan aktiviti solat berjemaah dan solat jumaat di masjid dan surau sebelum ini iaitu 17-26 Mac 2020M/22 Rejab – 01 Syaaban 1441 dilanjutkan sehingga 31 Mac 2020M/06 Syaaban 1441H (Selasa). Walau bagaimanapun, pelanjutan atau penamatan tempoh ini tertakluk kepada nasihat dan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. Keputusan ini akan melibatkan penangguhan solat jumaat pada 27 Mac 2020M/02 Syaaban 1441H. Ahli Qaryah wajib solat fardu zuhur di tempat kediaman masing-masing pada tarikh tersebut.
3. Umat Islam hendaklah merujuk garis panduan yang pernah dikeluarkan sebelum ini iaitu "Irsyad Mengenai Garis Panduan Masjid dan Surau Sepanjang Tempoh Penangguhan Solat Jumaat, Berjemaah dan Aktivitinya" dan garis panduan lain yang dikeluarkan oleh pihak berwajib.
4. Umat Islam perlu mengambil langkah keselamatan dan sentiasa mengambil langkah keselamatan mengikut saranan dan garis panduan pihak Kementerian Kesehatan Malaysia.

5. Marilah kita terus istiqamah memperbanyakkan *istighfar* dan bertaubat kepada Allah SWT serta sentiasa berdoa moga Allah SWT memberikan perlindungan daripada dijangkiti wabak ini. Semoga Allah SWT memberikan pemeliharaan dan perlindungan kepada semua rakyat di negeri ini khususnya dan Malaysia amnya.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

"Ya Allah, kami berlindung dengan-Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta, dan penyakit-penyakit yang buruk."

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

^ Sekian, Wassalam

**SS DATUK HAJI BUNGSU @ AZIZ BIN HAJI JAMFAR**

Mufti Kerajaan Negeri Sabah merangkap

Pengerusi Majlis Fatwa Negeri Sabah

23 Mac 2020M/ 28 Rejab 1441H

